

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk Skim *Rent - to - Own* (RTO) bagi projek PR1MA dan berapakah jumlah sasaran permohonan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program perumahan mampu milik yang diterajui oleh Perbadanan PR1MA Malaysia direka khas bagi segmen rakyat Malaysia yang berpendapatan seisi rumah di antara RM2,500 – RM10,000 sebulan. Setelah menjalankan kajian sosio ekonomi, didapati bahawa di antara masalah utama yang dihadapi oleh kumpulan sasaran ini untuk memiliki sesebuah kediaman adalah keupayaan mereka untuk menyediakan bayaran pendahuluan serta bayaran awalan yang lain.

Menyedari hakikat ini, PR1MA telah bertindak untuk merangka beberapa strategi yang berupaya mengatasi masalah-masalah tersebut dan sekali gus meningkatkan akses kepada pemilikan perumahan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Punca sebenar kepada masalah yang dinyatakan tadi tidak terhad kepada harga perumahan sahaja. Ianya turut merangkumi isu aliran tunai (cash flow) seseorang. Maka PR1MA telah membangunkan satu bentuk kemudahan yang berupaya mengatasi isu aliran tunai individu iaitu Skim Rent-to-Own (RTO).

Skim ini merupakan suatu inisiatif bagi membantu golongan yang mampu memiliki sesebuah rumah PR1MA namun tidak berjaya mendapatkan pinjaman perumahan (*end financing*) atas sebab-sebab tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim RTO ini boleh dilihat sebagai Skim Pembelian Tertangguh (*Deferred Purchasing Scheme*) yang tidak melibatkan peruntukan Kerajaan. Sebaliknya ia adalah sebuah *market based solution* yang akan diuruskan oleh PR1MA di mana pembiayaannya diperoleh terus daripada pasaran modal. Bayaran balik pembiayaan ini adalah menerusi kutipan sewaan serta perolehan unit kediaman yang berkenaan.

Memandangkan model pembangunan PR1MA adalah berasaskan tahap kemampuan (*affordability level*), oleh itu PR1MA tidak menetapkan sebarang sasaran yang khusus bagi tujuan skim *Rent-to-Own* ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7331

SOALAN:

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang memenuhi pasaran pekerjaan dalam perladangan, perindustrian dan binaan; dan

(b) adakah Kementerian berhasrat memberi permit kerja sementara melalui majikan mereka supaya mudah mengesan mereka dan menjana pendapatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai data yang spesifik mengenai PATI yang bekerja. Walaubagaimanapun proses pemutihan di bawah program 6P dan Program Khas Pendaftaran PATI (PKPP) sehingga 14 Mac 2014, seramai 38,677 orang PATI telah diputihkan untuk bekerja dalam sektor perindustrian, 100,253 orang dalam sektor perindustrian dan 210,379 orang dalam sektor pembinaan.

Kerajaan tidak berhasrat untuk memberi permit kerja sementara kepada PATI melalui majikan memandangkan proses Pemutihan di bawah Program 6P telah tamat.